

 Selasa, Mac 20 2018

Jho Low tak isytihar pendapatan

LHDN tidak dapat mengenakan cukai terhadap beliau, Riza Aziz

MUHAMMAD FAIZ SULONG

KUALA LUMPUR

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) tidak dapat mengenakan cukai ke atas ahli perniagaan kontroversi, Low Taek Jho

(Jho Low) dan anak tiri perdana menteri, Riza Aziz kerana kedua-duanya tidak mengisytiharkan pendapatan di negara ini.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, berdasarkan fail cukai LHDN, tiada rekod bagi kedua-dua nama individu berkenaan mengisytiharkan pendapatan di dalam negara bagi membolehkan mereka dikenakan cukai.

"Mengikut fail cukai kita, tidak ada. Nama-nama ini tidak ada dalam fail kita kerana mereka tidak isytihar pendapatan dalam negara.



JOHARI

Kalau dia isytihar, kita akan dikenakan cukai," katanya dalam sesi perbincangan di Dewan Rakyat, semalam.

SH 20/3.

Johari menjawab soalan Lim Lip Eng (DAP-Segambut) yang bertanyakan sumber kewangan Jho Low dan Riza, yang didakwa tiada kaitan dengan IMDB, selain bertanya adakah siasatan dilakukan untuk mengenal pasti sumber kewangan mereka secara sah atau tidak.

Bagaimanapun, Johari menjelaskan, dia tidak boleh menjawab lanjut soalan itu kerana perkara dibangkitkan di luar bidang kuasanya.

"Isu yang dibangkitkan ialah isu penyasatan, saya tidak berada dalam kedudukan untuk memberi jawapan,

saya tidak berada dalam kedudukan penyasatan," katanya.

Sementara itu, Johari berkata, LHDN beri jaminan akan mengambil tindakan terhadap syarikat atau individu mempunyai aset dan pendapatan di negara ini, tetapi tidak membayar cukai.

"Pihak LHDN beri jaminan tidak kira siapa, selagi ada pendapatan di Malaysia, syarikat yang didaftarkan di Malaysia dan ada pendapatan, kalau mereka tidak bayar cukai, 'income tax' akan kejar anda.

"Kalau tidak dapat hari

ini, mungkin esok, kalau tidak esok, hari berikutnya, kalau tidak tahun ini, tahun depan, dia mesti akan dapat.

"Saya nak beritahu di sini, tidak kira siapa sama ada pendapatan secara individu atau pendapatan melalui syarikat, kedua-duanya akan dikenakan cukai selagi berada di dalam bidang kuasa LHDN.

"Jadi saya tekankan sekali lagi, tak kira siapa, perdana menteri atau menteri kewangan II, kalau ada pendapatan di Malaysia, anda akan dikenakan cukai," katanya.